

KERUNTUHAN AKHLAK MENGUNDANG BALA

7 Zulkaedah 1442H/18 Jun 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينُ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ

كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا

مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Akhlik merupakan suatu cabang utama dalam Islam selain Akidah dan Syariah. Sebab itulah antara tujuan pengutusan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia seperti mana sabda Baginda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

إِنَّمَا بُعْثِتُ لِأَنْتُمْ صَالِحُونَ الْخَلَاقِ

Yang bermaksud: “Hanyasanya aku diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

Akhlik berkait rapat dengan keimanan dan hubungan manusia dengan Penciptanya. Keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan umat Islam hari ini berpunca daripada lemahnya iman, kurangnya ilmu agama serta pendedahan keterlaluan kepada hiburan atau budaya luar. Apabila akhlak manusia runtuh, pelbagai kejahatan dan kerosakan tersebar dalam masyarakat. Berlakunya kes rogol, liwat, buang bayi, bunuh, ragut, samun dan sebagainya. Berleluasanya zina, LGBT, dadah, arak, rasuah, pecah amanah, dan lain-lain boleh mendatangkan kemurkaan dan bala bencana daripada Allah Subhanahu Wa Taala.

Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman dalam Surah al-A’raf ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْيَةِ إِمْانُهُمْ وَاتَّقَوْهُ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ

၁၆

وَالْأَرْضِ وَلَا كِنْدَرٌ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Yang bermaksud: Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan mereka dengan keberkatan dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), maka Kami seksa mereka disebabkan apa yang mereka lakukan.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Lihatlah bagaimana kaum Nabi Lut diterbalikkan hingga mereka tertimbas akibat mengamalkan seks songsang. Begitu juga kaum Nabi Nuh ditenggelamkan dalam banjir besar kerana buruknya akhlak mereka menentang seruan dakwah.

Allah Subhanahu Wa Taala berfirman dalam Surah al-Qasas ayat 59:

...وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرْبَى إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَلَمُونَ

Yang bermaksud: ...Tidaklah menjadi kebiasaan Kami membinasakan mana-mana negeri melainkan setelah penduduknya berlaku zalim.

Marilah kita bersama-sama menjauhi perkara mungkar dan maksiat supaya kita dijauhkan daripada kemurkaan Allah Subhanahu Wa Taala serta mengamalkan akhlak yang mulia.

Firman Allah Subhanahu Wa Taala dalam surah al-Ahzab ayat 21 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذِكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا


Yang bermaksud: “Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنْكُمْ وَمِنْكُمْ تَلاؤتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

